

ANAK JATI PAHANG DIPILIH KE HARVARD COLLEGE TERIMA SUMBANGAN RM10,000

KUANTAN, 23 APRIL 2021: Kejayaan Muhammad Hamdi Ahmad Hakimi, 20, yang dipilih melanjutkan pengajian ke Harvard College di Amerika Syarikat turut mendapat perhatian Kerajaan Pahang yang tampil menghulurkan sumbangan berjumlah RM10,000.

Sumbangan menerusi Yayasan Pahang itu disampaikan oleh YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail kepada ibunya, Puan Rozita Abdul Hamid yang mewakili Muhammad Hamdi.

Muhammad Hamdi berkata, sumbangan ini dapat membantunya dalam persiapan untuk ke Harvard College, sekolah sarjana bagi Harvard University pada bulan Ogos ini.

"Saya memohon kepada semua supaya dapat mendoakan kejayaan saya ketika di sana. Terima kasih kepada Yayasan Pahang dengan sumbangan ini," katanya dalam sidang video pada Majlis Penyampaian Bantuan Ramadan dan Majlis Berbuka Puasa Bersama YAB Menteri Besar Pahang di Kompleks Yayasan Pahang di sini malam tadi.

Turut hadir, YB Setiausaha Kerajaan Pahang, Dato' Sri Dr Sallehuddin Ishak, Barisan EXCO Kerajaan Negeri Pahang dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Pahang, YH. Dato' Mahmud Mohd Nawawi.

Pada majlis itu juga, Dato' Sri Haji Wan Rosdy turut menyampaikan penghargaan kepada Pasukan Bahas Guru Pahang yang telah mencatat sejarah apabila memenangi Pertandingan Bahas Guru Peringkat Kebangsaan 2021 selepas 13 tahun.

Sementara itu, Puan Rozita berkata, penat lelahnya selama ini yang menumpukan perhatian terhadap akademik anak sulungnya itu ternyata tidak sia-sia.

"Dia anak yang terang hati dan selalu ambil inisiatif sendiri untuk belajar dan sememangnya sudah tentu membanggakan kami sekeluarga. Pengorbanan saya dari

segi masa dan wang untuk dia berjaya dalam pelajaran akhirnya membawa hasil,” katanya.

Dalam pada itu, Dato’ Sri Haji Wan Rosdy yang juga Pengurus Yayasan Pahang dalam ucapannya berkata, Kerajaan Pahang berbangga dengan pencapaian anak jati Kuantan itu yang mengharumkan nama Pahang dan Malaysia.

“Tahniah dan syabas diucapkan kepada Muhammad Hamdi Ahmad Hakimi. Seluruh Rakyat Pahang kagum dan berbangga dengan kejayaan ini,” katanya. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#PahangGo**

Oleh: Muhammad Shahrinnahar Abd Latib

Foto: Putera Falliq Hakim Suhairi

(LIPUTAN BERGAMBAR)





PAHANG MEDIA
PUTERA FALLIQ HAKIM



PAHANG MEDIA
PUTERA FALLIQ HAKIM